

27 JUN 2002

Langkawi-Maju

PENDUDUK DAN PENGUSAHA PELANCONG BERPERANAN MAJU LANGKAWI

LANGKAWI, 27 Jun (Bernama) -- Penduduk Langkawi khususnya pengusaha pelancongan mempunyai peranan tersendiri dalam meneruskan perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memajukan pulau itu sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Pengerusi Jawatankuasa Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, Sumber Manusia dan Pembangunan Luar Bandar Negeri, Osman Mohamed Aji berkata mereka perlu meneruskan usaha yang dilakukan oleh Dr Mahathir sebagai tanda terima kasih kepada arkitek pembangunan Langkawi itu.

"Mereka perlu meningkatkan usaha yang telah dimulakan oleh beliau bagi membangunkan Langkawi sehingga ia muncul sebagai destinasi pelancongan antarabangsa dengan identiti yang tersendiri," katanya di sini hari ini.

Langkawi diberikan status pulau bebas cukai pada 1987 dan sejak itu terus maju daripada sebuah pulau terpencil kepada sebuah destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Ia telah menjadi tuan rumah bagi pelbagai acara bertaraf antarabangsa seperti Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA), Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Kejohanan Ironman Malaysia dan kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi.

Majlis Tertinggi Umno pada Selasa lalu menerima hasrat Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober 2003.

Identiti itu perlu dikekalkan dengan semua pihak yang terlibat dengan industri pelancongan berusaha mengadakan promosi bersepadu untuk menggalakkan kedatangan pelancong, kata Osman.

"Pelancong luar sudah tahu Langkawi yang mempunyai gugusan 99 buah pulau, yang terletak di Malaysia tanpa perlu merujuk kepada destinasi lain," katanya.

Beliau berkata, mereka perlu memanfaatkan penubuhan Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi untuk menyelaraskan promosi masing-masing di luar negara bagi menarik lebih ramai pelancong.

"Dengan cara itu sahaja, penerbangan terus dari beberapa negara dapat diadakan dan secara tidak langsung yang mendapat untung ialah pengusaha pelancongan," katanya.

-- BERNAMA

NH HM